

Naib Canselor UUM Serah Hasil Diskusi Ekonomi Kepada TPM
Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 25 Ogos 2011 15:12

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Student

25 OGOS 2011/25 RAMADAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Muhammad Mustakim Ramli

Gambar oleh: Mohd Shamsul Shafie

NAIB CANSELOR UUM SERAH HASIL DISKUSI EKONOMI KEPADA TPM

UUM ONLINE: Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM), Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak telah menyerahkan keputusan hasil Diskusi Meja Bulat berkaitan dengan perkembangan ekonomi negara di Kuala Lumpur kepada Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, baru-baru ini.

Perbincangan meja bulat itu adalah anjuran Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan, UUM dengan kerjasama Kluster Politik, Keselamatan dan Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) dapat dijayakan dengan sempurna apabila 17 resolusi dicadangkan dalam perbincangan itu.

Daripada 17 resolusi yang dicadang itu akan dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu resolusi jangka masa segera dan jangka masa sederhana yang melibatkan 20 ahli panel diskusi dari Institusi Pengajian Tinggi (IPT), kementerian dan badan bukan kerajaan (NGO).

Antara resolusi segera yang diutarakan ialah mengekalkan harga RON95, menurunkan harga RON97, memperkenalkan semula rebet cukai jalan dan meningkatkan COLA.

Resolusi itu antara lain memohon pertimbangan untuk perlaksanaan segera *food stamp*, *transport stamp*, strategi sokongan pendapatan melalui instrumen zakat dan *Corporate Social Responsibility* (CSR) serta kajian semula jadual perlaksanaan rasionalisasi subsidi.

Manakala resolusi untuk jangka masa sederhana yang dicadangkan ialah penghapusan *Approved Permit* (AP) sektor makanan, pengurusan penawaran barang makanan dan bukan makanan terpilih yang lebih efisien, meningkatkan penambahbaikan penyampaian maklumat terutamanya 'sistem ketelusan harga' melalui media massa, mempercepatkan perlaksanaan gaji minimum, menyemak semula gaji penjawat awam, memperbanyakkan skim perumahan mampu milik, melibatkan kedai-kedai koperasi sebagai penyalur tambahan produk 1Malaysia kepada rakyat dan kesedaran mengenai penggunaan makanan lestari.